

12 SEP 1996
Mahathir - Zimbabwe
PERDANA MENTERI MEMPUYAI JADUAL KETAT DI Zimbabwe

Oleh: K.C.Leong

HARARE, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual yang ketat apabila tiba di sini esok untuk lawatan lima hari ke Isnin.

Perdana Menteri yang akan diiringi oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, juga dijadualkan menghadiri mesyuarat pertama Suruhanjaya Solar Sedunia pada Sabtu.

Pada Ahad, beliau akan menghadiri taklimat mengenai beberapa projek Malaysia-Zimbabwe membabitkan sektor swasta serta menyaksikan pemeteraian projek tenaga secara penswastaan membabitkan penyertaan sebuah syarikat dari Malaysia.

Sementara itu, para pegawai kanan telah mula untuk menyediakan dua dokumen untuk diluluskan sidang kemuncak itu -- Deklarasi Harare dan Program Solar Sedunia 1996-2005.

Yang mewakili Malaysia ke mesyuarat peringkat pegawai ialah Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Nuraizah Abdul Hamid. Beliau dibantu oleh para pegawai dari Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Pendidikan serta Kementerian Luar.

Deklarasi Harare dijangka menggariskan iltizam sejagat ke arah peningkatan pembanguhan dan penggunaan sumber guna semula tenaga seperti solar, hidro, geothermal, angin dan kuasa gelombang terutama di negara membangun.

Program Solar Sedunia akan membentangkan projek-projek utama mengenai tenaga guna semula untuk dilaksanakan di seluruh dunia.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe, V. Yoogalingam hari ini menyerahkan cek bagi AS\$75,000 (RM187,500) kepada jawatankuasa penganjur kos mengadakan acara itu.

Beberapa negara termasuk negara pengeluar minyak juga telah memberi sumbangan bagi sidang kemuncak itu.

Menurut Pertubuhan Pendidikan, saintifik dan kebudayaan bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) yang mengilhamkan sidang kemuncak itu, terdapat kesedaran yang meningkat di kalangan negara pengeluar minyak bahawa penduduk di kawasan terpencil di kebanyakan negara membangun akan terus tercicir daripada menikmati bekalan elektrik dan terpaksa bergantung kepada sumber tenaga alternatif seperti kuasa solar. -- BERNAMA

LKC FAZ